

SEKAPUR SIREH
KETUA PENGARAH
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI
(JAWHAR)



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَّكَاتُهُ

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya juga, sebuah lagi Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang berjudul Manual Pengurusan Asnaf al-Gharimin (MPAG) berjaya diterbitkan bagi menerangkan perihal pengurusan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* (orang-orang yang berhutang) untuk rujukan dan panduan semua.

Sebagaimana yang disebut secara jelas dalam Surah al-Taubah, ayat 60 tentang lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat, *al-gharimin* merupakan salah satu daripadanya. Namun begitu, ramai dalam kalangan masyarakat kita yang tidak jelas tentang maksud atau definisi *al-gharimin* itu sendiri dalam konteks agihan zakat, iaitu adakah ia terbuka kepada sesiapa sahaja yang mempunyai hutang yang belum dilangsakan, atau ada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh hukum Syarak bagi melayakkan orang yang berhutang itu menerima bantuan zakat.

Justeru, atas permasalahan inilah JAWHAR dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) mengambil inisiatif menerbitkan MPAG ini bagi tujuan menyediakan garis panduan tadbir urus terbaik tentang agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* sebagai rujukan dan panduan kepada semua pihak yang berkaitan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dan penerbitan MPAG ini, terutamanya barisan pakar rujuk dan pegawai agensi-agensi berkaitan yang telah menyumbangkan ilmu pengetahuan, idea dan pengalaman masing-masing sepanjang proses penyediaan MPAG ini. Semoga usaha murni ini akan dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah SWT dan mendapat ganjaran yang berlipat ganda, insya-Allah.

Sekian dan terima kasih.

وَالسَّلَامُ



AHMAD MUSADAD BIN HAJI SULAIMAN

Ketua Pengarah JAWHAR

PENGHARGAAN



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama yang padu dalam menyiapkan Manual Pengurusan Asnaf al-Gharimin (MPAG).

Sekalung penghargaan diucapkan khusus kepada YBrs. Prof. Madya Dr. Arief Salleh bin Rosman dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan YBrs. Prof Madya Dr. Hasan bin Bahrom dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang merupakan pakar rujuk utama serta para pegawai Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Agensi Mengurus Zakat (AMZ) dan agensi berkaitan yang telah menyumbang idea dan cadangan yang bernalas dalam penyediaan dan penerbitan MPAG ini.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Panel Pakar Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM atas segala kerjasama dan bantuan dalam membuat semakan serta cadangan penambahan terhadap MPAG ini bagi memastikan isi kandungannya selari dan bertepatan dengan kehendak hukum Syarak.

Semoga segala kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan penerbitan MPAG ini akan dinilai sebagai amal soleh di sisi Allah SWT dan mendapat balasan pahala yang berlipat kali ganda, insya-Allah. *Jazakumullahu khairal-jaza'*.

ABSTRAK



Manual Pengurusan Asnaf al-Gharimin (MPAG) merupakan salah satu terbitan Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang menyediakan garis panduan serta tadbir urus terbaik agihan zakat kepada *asnaf al-gharimin* di Malaysia.

Dalam MPAG ini, setiap bab disusun dan diperkemas melalui pembahagian tajuk dan huraian yang bersesuaian. Bab 1 mengandungi objektif, skop, kaedah penyediaan manual dan dasar serta prinsip asas dalam agihan zakat. Bab 2 pula menyentuh tentang hutang dan *al-gharimin* menurut Syarak yang merangkumi konsep hutang dan *al-gharimin* menurut Syarak serta isu-isu semasa berkaitan hutang dan *al-gharimin* di Malaysia.

Seterusnya, Bab 3 pula menjelaskan secara terperinci tentang model agihan zakat kepada *al-gharimin* dengan menyentuh tentang dasar dan konsep agihan zakat kepada *al-gharimin*, definisi, kategori dan syarat *al-gharimin* serta prosedur agihan zakat kepada *al-gharimin*. Akhir sekali, Bab 4 iaitu bab penutup menerangkan tentang impak yang diharapkan daripada penerbitan MPAG ini berserta kesimpulan.

Dengan terbitnya MPAG ini, diharapkan agar ia dapat menjadi garis panduan yang seragam dan komprehensif kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) dalam agihan zakat kepada *asnaf al-gharimin* di negeri masing-masing sesuai dengan peranannya selaku pemegang amanah harta umat Islam di Malaysia.


KANDUNGAN



Sekapur Sirih Ketua Pengarah JAWHAR	i
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Kandungan	v
Bab 1: Pendahuluan	
1.1. Pengenalan	1
1.2. Objektif	2
1.3. Skop	2
1.4. Kaedah Penyediaan	3
1.5. Dasar dan Prinsip Asas Agihan Zakat	3
1.6. Kesimpulan	7
Bab 2: Hutang dan <i>al-Gharimin</i> Menurut Syarak	
2.1. Pengenalan	8
2.2. Konsep Hutang Menurut Syarak	9
2.3. Konsep <i>al-Gharimin</i> Menurut Syarak	14
2.4. Isu-isu Semasa Berkaitan Hutang dan <i>al-Gharimin</i> di Malaysia	19
2.5. Kesimpulan	23
Bab 3: Model Agihan Zakat kepada <i>al-Gharimin</i>	
3.1. Pengenalan	24

3.2.	Dasar dan Konsep Agihan Zakat kepada <i>al-Gharimin</i>	25
3.3.	Definisi <i>al-Gharimin</i>	27
3.4.	Kategori <i>al-Gharimin</i>	27
3.5.	Syarat <i>al-Gharimin</i>	28
3.6.	Prosedur Agihan Zakat kepada <i>al-Gharimin</i>	30
3.7.	Kesimpulan	34
Bab 4: Penutup		
4.1.	Pengenalan	35
4.2.	Impak	36
4.3.	Kesimpulan	36
Rujukan		37

BAB 1



PENDAHULUAN

Firman Allah SWT:

لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:

"Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

(Surah al-Taubah, ayat 103)

1.1. PENGENALAN

Manual Pengurusan Asnaf al-Gharimin (MPAG) diterbitkan bertujuan untuk menerangkan perihal pengurusan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* (orang-orang yang berhutang) sebagaimana yang disebut secara jelas dalam Surah al-Taubah, ayat 60 tentang lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat. MPAG disediakan sebagai garis panduan yang komprehensif kepada agensi-agensi berkaitan dan umat Islam seluruhnya, serta merupakan manifestasi daripada salah satu peranan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) sebagai sebuah agensi persekutuan dalam membantu institusi-institusi zakat di Malaysia bagi meningkatkan tadbir urus terbaik dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat secara sistematik. Bab pertama ini akan menerangkan tentang objektif, skop, kaedah penyediaan manual serta dasar dan prinsip asas agihan zakat.

1.2. OBJEKTIF

MPAG ini disediakan bertujuan untuk:

- i. menjelaskan tentang konsep hutang dan kaedah pengurusannya menurut Islam;
- ii. menyediakan garis panduan yang jelas berkaitan tafsiran asnaf zakat kategori *al-gharimin*;
- iii. menyeragamkan prosedur pengurusan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) seluruh Malaysia;
- iv. menambah baik dan meningkatkan tahap kecekapan pengurusan agihan zakat yang dikawal selia oleh pihak MAIN dan AMZ; dan
- v. menyebarluaskan ilmu pengetahuan berkaitan pengurusan agihan zakat asnaf *al-gharimin* kepada masyarakat umum.

1.3. SKOP

MPAG secara umumnya menyentuh tentang *al-gharimin* sebagai salah satu daripada lapan asnaf yang layak menerima zakat. MPAG ini pada bahagian awalnya akan menjelaskan tentang konsep hutang dan *al-gharimin* menurut Syarak yang merangkumi definisi, jenis, syarat, hukum, *maqasid* syariah serta isu-isu semasa berkaitan hutang dan *al-gharimin* di Malaysia. Seterusnya, MPAG akan menyentuh tentang model agihan zakat kepada *al-gharimin* merangkumi dasar dan konsep agihan, kategori, syarat-syarat dan prosedur agihan zakat kepada *al-gharimin* untuk dijadikan panduan dan rujukan oleh semua pihak berkaitan.

1.4. KAE DAH PENYEDIAAN

MPAG disediakan melalui kaedah perbincangan secara langsung, sumbang-saran idea, kepakaran serta pengalaman para ahli akademik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), wakil Jabatan Insolvensi Malaysia, para pegawai MAIN dan AMZ dari seluruh negara serta para pegawai kanan JAWHAR. Kepakaran dan pengalaman kesemua mereka yang terlibat dikumpulkan dalam beberapa siri mesyuarat dan bengkel sehingga draf MPAG ini berjaya disediakan dengan sebaiknya. Seterusnya, draf MPAG ini telah dibentangkan kepada Panel Pakar Syariah (PPS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk semakan dan penambahbaikan sebelum diterbitkan.

1.5. DASAR DAN PRINSIP ASAS AGIHAN ZAKAT

1.5.1. Sumber Pensyariatan Agihan Zakat

Sumber pensyariatan agihan zakat adalah berdasarkan kepada nas-nas al-Quran dan al-Hadis, antaranya:

- i. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ فِلُوْحٌ
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَنِيرِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فِي يَضْكَةٍ مِّنْ

اللَّهُ وَاللَّهُ أَعْلَمُ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil yang mengurusnya, orang mualaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba yang hendak memerdekaan dirinya, orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai

satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Taubah, ayat 60)

ii. Daripada Ziyad bin al-Harith al-Sudda'i, katanya:

أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبِأَيْمَنِهِ ، فَذَكَرَ حَدِيثًا طَوِيلًا ، قَالَ : فَأَتَاهُ رَجُلٌ فَقَالَ : أَعْطَنِي مِنَ الصَّدَقَةِ ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى لَمْ يَرْضِ بِحُكْمٍ نَّيِّرٍ وَلَا غَيْرِهِ فِي الصَّدَقَاتِ حَتَّى حَكْمَ فِيهَا هُوَ فَجَزَّأَهَا ثَمَانِيَّةً أَجْزَاءٍ ، فَإِنْ كُنْتَ مِنْ تِلْكُ الْأَجْزَاءِ أَعْطِنِي حَقَّكَ .

Maksudnya: “Aku telah datang menemui Rasulullah SAW lalu aku pun berbaiah kepadanya (kemudian dinyatakan kisah yang berlaku dengan panjang lebar). Tiba-tiba telah datang seorang lelaki kepada Baginda seraya berkata: “Berikan kepadaku sebahagian daripada sedekah (zakat)”. Maka Rasulullah SAW berkata padanya: “Sesungguhnya Allah Taala tidak meredai keputusan Nabi mahupun manusia lain dalam pembahagian zakat sehingga Dia sendiri yang telah menentukan keputusannya, lalu Dia telah membahagikan zakat kepada lapan bahagian (asnaf). Maka sekiranya kamu termasuk dalam mana-mana bahagian tersebut, aku akan berikan kepadamu hak kamu.””

(Hadis riwayat Abu Daud)

1.5.2. Kategori Asnaf Zakat

Sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat 60, Surah al-Taubah sebelum ini, terdapat lapan kategori asnaf zakat yang termaktub dalam Al-Quran iaitu:

- i. orang fakir (الفقراء);
- ii. orang miskin (المساكين);
- iii. amil yang menguruskan zakat (العاملين عليها);

- iv. orang mualaf yang dijinakkan hatinya (**المؤلفة قلوبهم**);
- v. hamba yang hendak memerdekakan dirinya (**في الرقاب**);
- vi. orang yang berhutang (**الغارمين**);
- vii. dibelanjakan pada jalan Allah (**في سبيل الله**); dan
- viii. orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan (**ابن السبيل**).

1.5.3. Prinsip Agihan Zakat

Bagi melaksanakan agihan zakat kepada asnaf yang berhak, prinsip berikut hendaklah diambil kira sebagai panduan:

i. **Amanah** (**الأمانة**)

Semua hasil kutipan zakat adalah merupakan amanah di tangan pihak pengurusan (amil) yang wajib diagihkan kepada asnaf yang berhak menerimanya.

ii. **Telus** (**الخبر الصادق**)

Hasil kutipan dan agihan zakat hendaklah dibentangkan dan diaudit.

iii. **Menyeluruh** (**الإستيعاب**)

Hasil kutipan zakat hendaklah diagihkan secara menyeluruh kepada asnaf yang berhak.

iv. **Wajar** (**التسوية**)

Hasil kutipan hendaklah diagihkan secara wajar kepada semua asnaf. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi mana-mana asnaf yang tidak dapat dihabiskan bolehlah dipindahkan kepada asnaf-asnaf lain mengikut keutamaan.

v. **Haddul-kifayah** (**حدّ الكفاية**)

Zakat hendaklah diberi atas kadar perlu yang mencukupi kepada setiap individu dalam asnaf berkenaan.

vi. Khusus (الخصوصية)

Hasil kutipan zakat adalah khas bagi golongan yang tertentu sahaja sebagaimana ditentukan oleh Syarak iaitu kepada lapan asnaf.

vii. Berasingan (الاستقلال)

Harta zakat hendaklah diasingkan daripada dana lain.

viii. Berhemah (الاقتصاد)

Segala perbelanjaan zakat hendaklah diurus secara berhemah.

ix. Pengawasan (الرقابة)

Semua agihan zakat hendaklah dilakukan dengan pengawasan dan kawalan yang rapi.

x. Pertanggungjawaban (المسؤولية)

Amil hendaklah bertanggungjawab terhadap harta zakat yang dikutip dan diagihkan olehnya.

xi. Mendapat maklumat dengan lengkap (الإحصاء)

Agihan zakat hendaklah dibuat berdasarkan bancian oleh amil yang meliputi kerja-kerja mengesan, menyiasat dan memperakunkan calon yang berhak menerima zakat.

xii. Pencalonan (الترشيح)

Pembayar zakat diberi hak mencalonkan mereka yang layak menerima zakat.

xiii. Segera (فوراً)

Amil hendaklah segera melaksanakan agihan setelah memastikan asnaf yang menerimanya sah pada hukum Syarak.

xiv. Hak (الحق)

Semua dana dan hasil zakat adalah hak asnaf.


xv. Keutamaan (الأوليات)

Agihan zakat hendaklah dilaksanakan mengikut keutamaan iaitu kepada asnaf fakir, miskin dan amil. Berasaskan prinsip ini, sekiranya peruntukan untuk ketiga-tiga asnaf ini tidak mencukupi, maka pindahan peruntukan daripada asnaf yang lain hendaklah dilakukan dengan mengutamakan ketiga-tiga asnaf ini.

1.6. KESIMPULAN

Penerbitan MPAG ini bertujuan untuk memberikan impak positif kepada seluruh umat Islam amnya dan pihak MAIN serta AMZ khasnya daripada segi pengurusan agihan zakat di Malaysia. Secara tidak langsung juga, MPAG ini akan memberi kesedaran kepada orang ramai dalam melihat signifikan kewujudan institusi Baitulmal serta peranannya sebagai pemegang amanah harta umat Islam serta bertanggungjawab untuk menjaga kebijakan masyarakat secara umum (*maslahah ‘ammah*) sebagaimana peranannya yang sangat penting sejak zaman kegemilangan tamadun Islam lagi.

BAB 2



HUTANG DAN AL-GHARIMIN MENURUT SYARAK

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَنْوَأُوا إِذَا تَدَاءَ يَنْمِي بَدِينٍ إِلَى أَجْكَلٍ مُسْكَنٍ فَأَتَتْهُ مُتْبُوهٌ
وَلَيَكُتبَ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعُدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكُتبَ كَمَا
عَلِمَهُ اللَّهُ فَلِيَكُتُبْ وَلَيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلَيَتَقِ اللهَ رَبَّهُ وَلَا
يَبْحَسْ مِنْهُ شَيْئًا ...

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah; Tuhanmu, dan janganlah dia mengurangkan sesuatu pun daripada hutang itu..."

(Surah al-Baqarah, ayat 282)

2.1. PENGENALAN

Menurut Islam, hutang merupakan sesuatu yang diharuskan. Allah SWT sendiri telah menggariskan beberapa peraturan yang perlu diikuti apabila seseorang itu menjalankan muamalat hutang. Ini termasuklah menulis dan menyediakan saksi-

saksi bagi mengelakkan suatu kemungkinan di kemudian hari. *Al-Gharimin* iaitu orang-orang yang berhutang pula merupakan salah satu asnaf yang layak menerima zakat sebagaimana yang diterangkan dalam ayat 60, Surah al-Taubah. Bab ini akan menghuraikan konsep hutang menurut Syarak, konsep *al-gharimin* menurut Syarak serta isu-isu semasa berkaitan hutang dan *al-gharimin* di Malaysia.

2.2. KONSEP HUTANG MENURUT SYARAK

2.2.1. Definisi Hutang

Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, hutang ialah wang dan lain-lain yang dipinjam daripada orang lain. Al-Quran menyebut istilah hutang sebagai *al-dain* (الدين) dan juga *al-qardh* (القرض) sebagaimana dalam ayat 282 dan 245, Surah al-Baqarah.

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, hutang (*al-qardh*) dari segi bahasa bermaksud potong. Harta yang diserahkan kepada penghutang dinamakan *qardh* kerana ia merupakan satu potongan daripada harta pembiutang (orang yang memberi hutang).

Menurut istilah para fuqaha pula yang dinukilkhan daripada kitab *al-Fiqh al-Manhaji*, hutang ialah perbuatan memberikan hak milik sesuatu barang kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan.

2.2.2. Jenis Hutang

Hutang yang dibenarkan oleh Syarak terbahagi kepada dua jenis iaitu:

i. Hutang untuk ***Maslahah*** (Kemaslahatan) Diri Sendiri

laitu hutang yang berkaitan dengan keperluan asas dalam kehidupan manusia seperti makanan dan minuman, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, perubatan dan pendidikan.

ii. Hutang untuk ***Maslahah*** Masyarakat

laitu hutang yang berkaitan dengan keperluan umat Islam dalam menegakkan agama Allah SWT dan menyediakan keperluan yang memberikan manfaat sepenuhnya kepada masyarakat.

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, *maslahah* bermaksud mendatangkan manfaat dan mencegah kemudarat. *Maslahah* secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

i. ***Maslahah Daruriyyah*** (المصالح الضرورية)

laitu perkara yang bersifat dasar yang wajib ada sebagai syarat mutlak wujudnya kehidupan dan kemaslahatan manusia (*maqasid syariah*), baik ukhrawi maupun duniaawi. Ia terbahagi kepada lima iaitu agama (ال الدين), jiwa (النفس), akal (العقل), keturunan (السلسل) dan harta (المال).

Sebagai contoh, Islam mewajibkan pengambilan makanan dan minuman serta pakaian bagi tujuan menjaga kemaslahatan hidup setiap manusia.

ii. ***Maslahah Hajiyyah*** (المصالح الحاجية)

laitu perkara yang menjadi keperluan asas manusia dalam kehidupannya supaya hidup menjadi senang serta terhindar dari kesulitan. Jika keperluan ini tidak diperoleh, kehidupan akan

mengalami kesulitan dan kemelaratan meskipun tidak sampai mudarat. Sebagai contoh, Islam mengharuskan transaksi dalam muamalat sesama manusia seperti jual beli, sewa, perkongsian, jaminan, pemberian dan sebagainya.

iii. *Maslahah Tafsiniyyah* (المصالح التحسينية)

ialitu perkara yang berkait rapat dengan kualiti hidup manusia yang sifatnya ke arah kesempurnaan hidup dan kemuliaan akhlak manusia. Jika kemaslahatan ini tidak dipenuhi, maka kehidupan manusia kurang indah dan kurang nikmat, meskipun tidak sampai menimbulkan kemudarat atau kemelaratan hidup. Sebagai contoh, Islam menggalakkan berpakaian cantik dan kemas semasa hadir ke masjid.

2.2.3. Hukum Berhutang

Berhutang adalah diharuskan dan bukanlah sesuatu yang ditegah dalam Islam berdasarkan nas dan dalil Syarak seperti berikut:

i. Nas Al-Quran

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَاءَنْتُم بِدِينِكُمْ فَاتَّبُعُوهُ
وَلَا يُكْتَبَ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ...

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis antara kamu menulisnya dengan adil (benar)..."

(Surah al-Baqarah, ayat 282)

ii. Nas Hadis

Sayidatina 'Aisyah RA pernah menceritakan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى مِنْ يَهُودِيٍّ طَعَامًا إِلَى أَجْلٍ ، وَرَهَنَهُ دِرْعًا لَّهُ مِنْ حَدِيدٍ .

Maksudnya: "Rasulullah SAW pernah membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan cara berhutang dalam jangka waktu tertentu. Untuk itu, beliau telah menggadaikan baju besinya."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

iii. Ijmak Ulama'

Fuqaha' telah bersepakat bahawa hukum berhutang atau meminta pinjaman adalah dibolehkan dan bukanlah sesuatu yang dicela atau dibenci, kerana Nabi Muhammad SAW sendiri pernah berhutang (sebagaimana hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim di atas).

Walau bagaimanapun, sikap suka berhutang adalah tidak digalakkan.

Ini adalah kerana sikap sedemikian boleh memberi kesan negatif kepada individu, keluarga dan masyarakat. Nabi Muhammad SAW sendiri berusaha mengelakkan berhutang dan sering berdoa kepada Allah SWT agar dijauhi hutang, sehingga apabila ditanya oleh para sahabatnya, Baginda SAW menjawab:

إِنَّ الرَّجُلَ إِذَا غَرِمَ حَدَّثَ فَكَذَبَ ، وَوَعَدَ فَأَخْلَفَ .

Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang lazim berhutang, apabila berkata dia berdusta dan apabila berjanji dia tidak menepatinya."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Seseorang yang berhutang akan berada dalam keadaan tertekan, runsing, emosi terganggu dan kehinaan. Nabi Muhamad SAW bersabda dalam hadisnya;

إِيَّاكُمْ وَاللَّهُمَّ ، فَإِنَّهُمْ بِاللَّيْلِ ، وَمَذَلَّةٌ بِالنَّهَارِ .

Maksudnya: “Berhati-hatilah kamu dalam berhutang, kerana sesungguhnya hutang itu mendatangkan kerisauan pada malam hari dan menyebabkan kehinaan pada siang hari.”

(Hadis riwayat al-Bayhaqi, al-Daylami dan al-Suyuti)

2.2.4. Kaedah Pengurusan Hutang Menurut Islam

Hukum membayar hutang adalah wajib. Ini berdasarkan maksud Surah al-Baqarah, ayat 282 yang telah dinyatakan sebelum ini. Secara umumnya, adab dan kaedah pengurusan hutang yang dianjurkan dalam Islam adalah seperti berikut:

- i. setiap hutang hendaklah ditulis dan mempunyai saksi;
- ii. berhutang dengan niat baik dan bertekad menyelesaiannya;
- iii. berhutang daripada orang soleh yang memiliki pendapatan dan penghasilan yang halal;
- iv. tidak berhutang kecuali dalam keadaan terdesak;
- v. menggunakan wang pinjaman sebaik mungkin serta sedar bahawa pinjaman merupakan amanah yang harus dikembalikan;
- vi. berusaha menyelesaikan hutang seberapa segera;
- vii. membayar hutang dengan cara yang baik;
- viii. penghutang hendaklah memberitahu pemutang jika terlewat bayar kerana kesulitan;
- ix. penghutang dibenarkan untuk memohon pelupusan atau pengurangan hutangnya; dan
- x. pemutang tidak boleh mengambil keuntungan atau manfaat daripada penghutang.

2.3. KONSEP AL-GHARIMIN MENURUT SYARAK

2.3.1. Definisi *al-Gharimin*

Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi dan Dr. Muhammad al-Zuhaili, *al-gharimin* merupakan perkataan jamak (lebih daripada satu, banyak) daripada perkataan *al-gharim* yang bermaksud individu yang dipertanggungjawabkan melunaskan hutangnya.

Menurut istilah fuqaha' yang dinukilkhan daripada kitab al-Fiqh al-Manhaji, *al-gharimin* bermaksud golongan yang dibebani hutang dan tidak mampu untuk melangsikannya.

2.3.2. Dalil Pensyariatan Agihan Zakat kepada Asnaf *al-Gharimin*

i. Nas Al-Quran

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ فُلُوْجٌ
وَفِي الْرِّقَابِ وَالْغَرِيمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فِي ضَكَّةٍ مِّنْ
 أَللَّهُ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil yang mengurusnya, orang mualaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba yang hendak memerdekaan dirinya, orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

(Surah al-Taubah, ayat 60)

ii. Nas Hadis

(a) Daripada Qabisah bin Mukhariq al-Hilali RA, katanya: “Aku pernah menanggung beban hutang bagi menyelesaikan satu konflik, lalu aku datang bertemu dengan Rasulullah SAW bertanyakan hal tersebut. Lalu Baginda bersabda:

أَقِمْ حَتَّىٰ تَأْتِيَ الصَّدَقَةُ ، فَنَأْمِرُ لَكَ بِهَا ، ... يَا قَيْصِهُ ! إِنَّ الْمَسَأَلَةَ لَا تَحِلُّ إِلَّا لِأَحَدٍ ثَلَاثَةٍ : رَجُلٌ تَحْمَلْ حِمَالَةً فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسَأَلَةُ حَتَّىٰ يُصِيبَهَا ثُمَّ يُمْسِكَ ، وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ جَائِحَةً اخْتَاحَتْ مَالَهُ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسَأَلَةُ حَتَّىٰ يُصِيبَ قَوَاماً مِنْ عَيْشٍ (أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ) ، وَرَجُلٌ أَصَابَتْهُ فَاقَةً حَتَّىٰ يَفْعُمَ ثَلَاثَةٌ مِنْ ذَوِي الْحِجَاجِ مِنْ قَوْمِهِ : لَقَدْ أَصَابَتْ فُلَانًا فَاقَةً ، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسَأَلَةُ ، حَتَّىٰ يُصِيبَ قَوَاماً مِنْ عَيْشٍ (أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ) فَمَا سِوَاهُنَّ مِنَ الْمَسَأَلَةِ ، يَا قَيْصِهُ ! سُحْنًا يَا كُلُّهَا صَاحِبُهَا سُحْنًا.

Maksudnya: “Tunggulah sehingga ada orang datang kepada kami memberikan sedekah (zakat), kami akan berikan kepadamu daripada zakat tersebut.” Kemudian Rasulullah menyambung: “Wahai Qabisah, sesungguhnya perbuatan meminta ini tidaklah halal melainkan bagi tiga golongan! Pertama: Seseorang yang menanggung beban (seperti hutang untuk menyelesaikan konflik), maka dihalalkan baginya meminta bantuan zakat sehingga dia dapat menyelesaikan tanggungan itu. Kedua: Seseorang yang ditimpa bencana yang menghabiskan (membinasakan) hartanya, maka dihalalkan baginya meminta bantuan zakat sehingga dia dapat mencukupi keperluan hidupnya. Ketiga: Seseorang yang ditimpa kefakiran (yang bersanggatan) sehingga dipersaksikan oleh tiga orang daripada kaumnya, sesungguhnya dia betul-betul ditimpa kefakiran tersebut. Maka dihalalkan baginya meminta bantuan zakat sehingga dapat mencukupi keperluan hidupnya. Selain tiga golongan ini, jika seseorang itu meminta

juga wahai Qabisah, ia adalah haram! Orang yang meminta itu memakannya secara haram.”

(Hadis riwayat Imam Muslim)

(b) Daripada Anas bin Malik RA, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحُلُّ إِلَّا لِثَلَاثَةِ : لِذِي فَقْرٍ مُدْعِيٍّ ، أَوْ لِذِي غُرْمٍ مُفْطِعٍ ، أَوْ لِذِي دَمٍ مُوْجِعٍ .

Maksudnya: “Permohonan bantuan zakat tidak dibenarkan melainkan salah satu daripada tiga golongan, iaitu orang fakir yang sangat memerlukan, orang berutang yang tidak mampu membayar hutangnya, dan orang yang menanggung kos bayaran diat.”

(Hadis riwayat Imam Ahmad, Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibnu Majah)

(c) Daripada Abu Sa'id al-Khudri RA, katanya:

أَصَبَبَ رَجُلٌ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثِمَارٍ ابْتَاعَهَا ، فَكَثُرَ دِينُهُ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : تَصَدَّقُوا عَلَيْهِ ، فَتَصَدَّقَ النَّاسُ عَلَيْهِ ، فَلَمْ يَسْتَغْفِرْ ذَلِكَ وَفَاءَ دِينِهِ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِغُرْمَانِهِ : حُذُوا مَا وَجَدُتُمْ ، وَلَيْسَ لَكُمْ إِلَّا ذَلِكَ .

Maksudnya: “Pada zaman Rasulullah SAW, seorang peniaga ditimpa musibah terhadap hasil perniagaan buah-buahan, lalu bertambah-tambah hutangnya. Rasulullah SAW bersabda: “Berikan zakat saudara sekalian kepadanya.” Lalu orang ramai pun menyerahkan harta zakat mereka kepada orang berutang itu. Namun, harta zakat tersebut masih belum mencukupi untuk membayar semua hutang itu, lalu Rasulullah SAW bersabda kepada orang yang memberi hutang: “Ambillah semua harta zakat tersebut. Hanya itu sahaja untuk menyelesaikan hutang-hutang kamu itu”.”

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Pada zaman Rasulullah SAW, contoh amalan bantuan kepada orang berhutang antaranya bagi tujuan:

- (a) bayaran diat seperti kes Qabisah (rujuk hadis (a) dalam Dalil Pensyariatan);
- (b) keperluan hidup (rujuk hadis (b) dalam Dalil Pensyariatan); dan
- (c) peniaga yang ditimpa musibah (rujuk hadis (c) dalam Dalil Pensyariatan). Maksud musibah adalah selaras dengan kehendak Syarak dan seperti dinyatakan dalam perkara 3.6.3 (ii).

2.3.3. *Maqasid Syariah Berkaitan Asnaf al-Gharimin*

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili, *maqasid* syariah bermaksud pengertian dan objektif yang dikehendaki di sebalik pensyariatan sesuatu hukum oleh Allah SWT. Islam mewujudkan kaedah penyelesaian yang bertepatan dengan kehendak Allah SWT untuk menyelesaikan penyakit jiwa dan masalah kewangan, antaranya ialah kaedah menyelesaikan bebanan hutang.

Allah SWT menetapkan antara golongan yang layak menerima zakat adalah golongan *al-gharimin*, sama ada seseorang itu berhutang untuk keperluan dirinya atau berhutang untuk membantu menyelesaikan masalah masyarakat, agar penghutang itu dapat melunaskan hutangnya, menghilangkan kerunsingan dan kesedihan serta menyelamatkan penghutang daripada gangguan pemutang.

Namun begitu, bukan semua hutang melayakkan seseorang yang berhutang itu menerima zakat. Secara umumnya, konsep *al-gharimin* yang dinyatakan dalam ayat 60 Surah al-Taubah adalah merujuk kepada individu yang berhutang kerana sesuatu kepentingan yang mendesak, sama ada kepentingan itu untuk diri, keluarga atau masyarakat.

Ini berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Mujahid berkenaan tiga golongan termasuk dalam kategori *al-gharimin*, iaitu:

- i. seseorang yang hartanya rosak kerana banjir;
- ii. seseorang yang hartanya rosak kerana terbakar; dan
- iii. seseorang yang mempunyai ahli keluarga tetapi dia tidak memiliki harta, lalu dia berhutang untuk memberi nafkah kepada ahli keluarganya.

Pemberian zakat kepada golongan *al-gharimin* bukan hanya sekadar untuk memelihara *maslahah* penghutang, bahkan ia juga untuk memelihara *maslahah* pemutang. Oleh sebab itu, *al-gharimin* bukan hanya merangkumi penghutang, bahkan termasuk juga pemutang di mana dia boleh memohon bantuan zakat jika orang yang berhutang dengannya tidak mampu membayar semula hutang kepadanya, mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

2.3.4. Jenis dan Syarat *al-Gharimin*

Menurut Imam al-Nawawi dan Dr. Muhammad al-Zuhaili, jenis *al-gharimin* dan syarat kelayakannya untuk menerima zakat menurut Mazhab Syafii ialah:

i. Berhutang untuk Keperluan Diri dan Keluarga

Individu yang berhutang untuk keperluan diri sendiri atau keperluan ahli keluarga, pada perkara yang bukan berunsurkan maksiat, individu ini layak menerima zakat dengan syarat:

- a) dia berhajat kepada bantuan untuk melangsaihan hutangnya itu;

- b) hutang itu untuk melakukan amalan taat atau untuk perkara yang dibenarkan oleh Syarak; dan
- c) hutang tersebut perlu diselesaikan segera.

ii. Berhutang untuk Keperluan Umat Islam

(a) Individu yang berhutang untuk menyelesaikan konflik, jika hutang masih belum dilunaskan, maka dia layak menerima zakat daripada asnaf *al-gharimin*, sama ada dia kaya atau fakir, dengan syarat hutang tersebut masih ditanggung olehnya.

(b) Individu yang menjamin penghutang, dengan syarat:

- penjamin dan penghutang yang dijamin berada dalam keadaan tidak mampu melangsaikan hutang; atau
- jika penjamin tidak mampu membayar hutang, manakala penghutang mampu, maka penjamin hanya layak menerima zakat jika dia menjamin tanpa kebenaran penghutang; atau
- jika penjamin mampu membayar hutang, manakala penghutang tidak mampu membayarnya, maka penghutang itu sahaja yang layak menerima zakat untuk membayar hutang tersebut.

2.4. ISU-ISU SEMASA BERKAITAN HUTANG DAN AL-GHARIMIN DI MALAYSIA

2.4.1. Keberhutangan Rakyat Malaysia

Sejak kebelakangan ini, berhutang telah menjadi gaya hidup dalam kalangan masyarakat, sama ada ia berbentuk *daruriyyah*, *hajriyyah* atau *tahsiniyyah*, bahkan tidak kurang juga berhutang secara tidak menepati hukum Syarak. Berdasarkan statistik daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sejak penubuhannya pada 2006 sehingga

Disember 2016, agensi itu berjaya menyelesaikan 12,000 kes melibatkan pengurusan kewangan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM490 juta. Daripada jumlah 516,000 peserta AKPK sehingga Disember 2016, 15 peratus berumur di bawah 30 tahun, manakala 39 peratus di antara 31 hingga 40 tahun dan 46 peratus berumur 41 tahun ke atas.

Faktor paling utama senario keberhutangan dalam kalangan rakyat Malaysia adalah seperti berikut:

- i. perancangan dan pengurusan kewangan yang lemah;
- ii. kegagalan dalam perniagaan;
- iii. kos sara hidup tinggi;
- iv. perbelanjaan perubatan yang tinggi; dan
- v. kehilangan pekerjaan.

2.4.2. Muflis (Bankrap)

Muflis atau kebankrapan ialah satu proses undang-undang di mana dengan perintah Mahkamah, harta seorang penghutang terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi untuk dibahagikan kepada pemutang. Berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia, statistik dari tahun 2013 hingga 2016 menunjukkan 82,383 individu diisyihar bankrap oleh Mahkamah. Mengikut statistik Jabatan Insolvensi Malaysia juga, sehingga Februari 2017, terdapat 292,086 kes kebankrapan aktif dan bankrap yang masih belum dilepaskan dengan 58.57 peratus berumur 25 sehingga 44 tahun.

Sebab paling utama berlakunya kebankrapan adalah kegagalan membayar balik pinjaman kenderaan, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan lain-lain pinjaman. Kesan akibat muflis atau kebankrapan adalah seperti berikut:

i. Aset dan Harta

Segala aset dan harta muflis adalah terletak hak kepada Ketua Pengarah Insolvensi. Ketua Pengarah Insolvensi akan menghasilkan harta dan aset muflis untuk diagihkan kepada pemutang-pemutang.

ii. Kelayakan Sebagai Pengarah

Muflis tidak layak menjadi pengarah syarikat tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah Insolvensi atau Mahkamah terlebih dahulu.

iii. Had Meminjam

Muflis tidak boleh meminjam melebihi RM1,000 tanpa memaklumkan status kebankrapannya kepada pemberi pinjaman.

iv. Tindakan di Mahkamah

Muflis tidak boleh mengambil tindakan di Mahkamah tanpa kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi kecuali tindakan akibat kecederaan peribadi.

v. Perjalanan Keluar Negara

Muflis tidak boleh keluar dari Malaysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi atau Mahkamah.

vi. Penglibatan dalam Perniagaan

Muflis tidak boleh menjalankan perniagaan sama ada sendiri atau perkongsian dan tidak boleh bekerja dengan suami, isteri atau saudara mara tanpa kebenaran Ketua Pengarah Insolvensi atau Mahkamah.

vii. Akaun Bank

Semua akaun bank muflis akan dibekukan. Walau bagaimanapun, muflis boleh diberi kebenaran untuk mengaktifkan satu akaun sahaja bagi tujuan kemasukan gaji bulanan.

2.4.3. Ceti Haram (Along)

Along mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud orang yang memberikan pinjaman wang secara haram dan mengenakan bunga yang sangat tinggi, dan biasanya akan bertindak ganas sekiranya pinjaman tersebut tidak dibayar. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 823 kes ceti haram dilaporkan dengan nilai berjumlah RM31 juta. Pinjaman melalui Along adalah bertentangan dengan Syarak dan undang-undang negara. Biasanya masalah akan berbangkit apabila keselamatan nyawa dan keluarga penghutang diancam apabila penghutang ingkar atau lambat dalam pembayaran pinjaman mereka.

2.4.4. Pinjaman Pendidikan

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah melaksanakan senarai hitam imigresen di bawah Peruntukan eksyen 22A, Akta PTPTN 1997 [AKTA 566] yang membenarkan PTPTN menyenarai hitam peminjam ingkar dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia. Tindakan senarai hitam ini menyebabkan peminjam dihalang dari ke luar negara, tidak dibenarkan memperbaharui passport dan membuat passport baharu. Peminjam yang sudah dikenakan tindakan senarai hitam dikehendaki membayar keseluruhan hutang pinjaman atau tunggakan. Sekiranya tidak mampu, peminjam boleh berbincang dengan pihak PTPTN bagi membuat penstrukturran bayaran apa-apa jumlah yang dipersetujui antara kedua-dua pihak.

Menurut pihak PTPTN, sehingga 31 Januari 2017, daripada 1.9 juta peminjam PTPTN, seramai 586,863 peminjam telah disenarai hitam imigresen melibatkan amaun berjumlah RM11.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 312,068 peminjam telah datang berunding dengan


PTPTN dan mula membuat bayaran balik melibatkan amaun berjumlah RM967.9 juta.

Selain daripada itu, bermula tahun 2015 semua peminjam PTPTN yang sepatutnya membuat bayaran balik selepas enam bulan tamat tempoh pinjaman juga akan disenaraikan di bawah Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) di mana ia akan memberi kesan kepada penarafan kredit jika mereka gagal membayar pinjaman pelajaran pada masa yang ditetapkan.

2.5. KESIMPULAN

Dalam Islam, berhutang untuk memenuhi keperluan adalah dibolehkan dan bukanlah sesuatu yang dilarang. Namun demikian, seseorang itu tidak digalakkan untuk berhutang tanpa keperluan kerana berhutang tanpa kawalan boleh membawa kepada kesan-kesan yang negatif. Selain itu, penghutang juga hendaklah mengikut adab dan kaedah yang telah ditunjukkan oleh Islam supaya ia tidak melarat serta hubungan antara penghutang dan pembiutang dapat dipelihara dengan sebaiknya. Konsep *al-gharimin* yang dinyatakan dalam ayat 60 Surah al-Taubah merujuk kepada individu yang berhutang kerana sesuatu kepentingan yang mendesak, sama ada kepentingan itu untuk diri, keluarga atau masyarakat. Oleh itu, penghutang adalah layak menerima zakat di bawah kategori *al-gharimin* jika menepati syarat-syarat yang ditetapkan.

BAB 3



MODEL AGIHAN ZAKAT KEPADA *AL-GHARIMIN*

Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ فُلُوْجُهُمْ
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمَنَ وَفِي سَيِّلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّيِّلِ فِي رِضَةٍ مِّنْ
اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ

٦٠

Maksudnya:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, amil yang mengurusnya, orang mualaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba yang hendak memerdekaan dirinya, orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Taubah, ayat 60)

3.1. PENGENALAN

Zakat memainkan peranan yang besar dalam menyelesaikan isu bebanan hutang di mana pengagihan zakat kepada golongan *al-gharimin* merujuk kepada konsep mengeluarkan individu bermasalah daripada kesulitan yang dialami. Ini adalah suatu amalan yang digalakkan oleh Islam. Asnaf *al-gharimin* diberikan sebahagian daripada harta zakat untuk melunaskan hutang mereka berdasarkan kategori dan syarat tertentu. Bab ini akan menerangkan tentang dasar dan konsep agihan zakat kepada *al-gharimin*, kategori dan syarat *al-gharimin* serta

prosedur agihan zakat kepada *al-gharimin* untuk diaplikasikan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) di negeri masing-masing.

3.2. DASAR DAN KONSEP AGIHAN ZAKAT KEPADA AL-GHARIMIN

Secara umumnya, agihan zakat kepada *al-gharimin* adalah tertakluk kepada fatwa dan sumber perundangan MAIN di negeri masing-masing. Manakala amalan dan pelaksanaannya pula dibuat mengikut prosedur dan syarat yang ditetapkan di negeri masing-masing.

Peruntukan undang-undang berkaitan pengurusan zakat di Malaysia adalah seperti berikut:

3.2.1. Perlembagaan Persekutuan

Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan meletakkan hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa Negeri kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan memperuntukkan seperti berikut:

"Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesatahrafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; **Zakat, Fitrah dan Baitulmal** atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu,

kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.”

Oleh itu, kuasa eksekutif berkaitan hal ehwal Islam adalah menjadi tanggungjawab MAIN dan seterusnya MAIN bertindak sebagai penggubal polisi serta pentadbir agama Islam bagi negeri masing-masing.

3.2.2. Akta / Enakmen / Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri

Berdasarkan peruntukan Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, semua badan perundangan negeri dan Parlimen bagi Wilayah-wilayah Persekutuan telah menggubal statut pentadbiran undang-undang Islam negeri masing-masing yang antara lain memperuntukkan perkara berkaitan dengan pengurusan kutipan dan agihan zakat di negeri masing-masing.

3.2.3. Undang-undang Zakat Negeri

Bagi negeri Kedah, Sabah dan Sarawak, suatu enakmen atau undang-undang khas berhubung zakat telah digubal bagi maksud pengurusan zakat secara komprehensif. Selain itu, terdapat juga negeri-negeri yang telah mewujudkan peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah khusus bagi pengurusan zakat dan fitrah iaitu Selangor, Perak, Johor, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.

3.3. DEFINISI AL-GHARIMIN

Bagi tujuan penyeragaman definisi *al-gharimin*, adalah dicadangkan satu definisi yang standard dan lengkap seperti berikut:

“Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan oleh Syarak.”

3.4. KATEGORI AL-GHARIMIN

Terdapat dua kategori *al-gharimin* yang melayakkan mereka menerima bantuan zakat bagi menyelesaikan hutang, iaitu:

3.4.1. Berhutang untuk Keperluan Diri dan Keluarga

Berhutang bagi memenuhi kepentingan asasi (*daruriyyat*) dan keperluan (*hajiyat* dan *tahsiniyyat*) seperti:

- i. hutang kerana keperluan asas hidup bagi diri dan tanggungan;
- ii. hutang akibat bencana alam;
- iii. hutang untuk membiayai rawatan / perubatan;
- iv. pengurusan jenazah tanpa waris; dan
- v. hutang keperluan persekolahan.

3.4.2. Berhutang untuk Keperluan Umat Islam

- i. Berhutang bagi memenuhi kepentingan asasi (*daruriyyat*) dan keperluan (*hajiyat* dan *tahsiniyyat*) seperti hutang individu, badan atau persatuan untuk *maslahah* umat Islam.

- ii. Menjadi penjamin bagi membolehkan penghutang memenuhi keperluan asas dirinya, namun diri dianaya atau disenaraihitamkan kerana penghutang gagal atau lari daripada menyelesaikan hutangnya.

Orang yang berhutang untuk keperluan umat Islam tidak disyaratkan membuktikan ketidakmampuannya untuk menerima bantuan zakat.

3.5. SYARAT AL-GHARIMIN

Dalam agihan bantuan zakat MAIN atau AMZ kepada asnaf *al-gharimin*, terdapat dua syarat utama iaitu syarat umum dan syarat khusus:

3.5.1. Syarat Umum

Semua penerima bantuan zakat mestilah memenuhi syarat umum penerima agihan zakat seperti berikut:

- i. Islam (kecuali golongan tertentu dalam skim mualaf);
- ii. Warganegara Malaysia / Penduduk Tetap (kecuali *ibnussabil*);
- iii. bermastautin (kecuali *ibnussabil*);
- iv. pendapatan keluarga tidak melebihi had kifayah ditetapkan oleh MAIN atau AMZ, kecuali pihak yang berhutang untuk kepentingan ummah; dan
- v. tidak mendapat mana-mana bantuan yang mencukupi daripada pihak lain.

3.5.2. Syarat Khusus

Bagi penerima bantuan khusus di bawah asnaf *al-gharimin*, syarat berikut mestilah dipenuhi:

- i. individu / institusi telah berhutang;
- ii. hutang mestilah berkaitan dengan aktiviti yang dibenarkan oleh Syarak;
- iii. hutang untuk keperluan yang mendesak;
- iv. telah berusaha bersungguh-sungguh untuk membayar hutang;
- v. hutang perlu diselesaikan dengan segera;
- vi. hutang tidak berulang;
- vii. tidak merancang untuk menerima bantuan zakat;
- viii. berdisiplin membayar hutang (jika melibatkan hutang berkala); dan
- ix. syarat tambahan bagi pemutang: boleh menuntut dengan pihak berkuasa institusi zakat sekiranya penghutang hilang keupayaan fizikal / mental (kecuali penghutang ceti haram).

Justeru, jenis hutang yang tidak melayakkan menerima zakat *al-gharimin* adalah seperti berikut:

i. Hutang Berasaskan Maksiat

Hutang dilakukan untuk perkara atau melalui kaedah bertentangan dengan Syarak seperti:

- a) hutang Along;
- b) hutang untuk hiburan yang berlawanan Syarak; atau
- c) hutang daripada institusi yang mengamalkan riba.

ii. Hutang Bukan untuk Keperluan Asasi

Hutang dilakukan bukan berdasarkan keperluan asasi bagi tujuan bermegah-megah, bermewah atau membazir, antaranya:

- a) pembelian barang kemas;

- b) pembelian barang berjenama;
- c) pembelian kenderaan mewah;
- d) pembelian perabot dan perhiasan rumah;
- e) hutang kad kredit;
- f) pembelian produk kecantikan diri; dan
- g) melancong.

3.6. PROSEDUR AGIHAN ZAKAT KEPADA AL-GHARIMIN

Semua permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan borang permohonan yang disediakan oleh pihak MAIN atau AMZ serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

3.6.1. Permohonan

- i. Permohonan hendaklah melalui borang yang disediakan dan dibuat atas nama penghutang.
- ii. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada MAIN atau AMZ dengan menyertakan dokumen sokongan seperti berikut:
 - a) salinan kad pengenalan;
 - b) penyata pendapatan (slip gaji / perakuan pendapatan);
 - c) bil / notis hutang atau surat akuan berhutang dari pihak pemutang;
dan
 - d) surat akuan sumpah / perjanjian hutang juga disertakan, sama ada daripada pihak pemutang atau penghutang.

3.6.2. Agihan Bantuan

Terdapat dua kaedah pengagihan bantuan kepada asnaf *al-gharimin* iaitu:

- i. **Bantuan zakat boleh diserahkan kepada salah satu pihak.** Sama ada terus dibayar kepada pemutang, atau diberikan kepada penghutang untuk dia bayar kepada pemutang.
- ii. **Hutang dibayar terus kepada pemutang.** Ia bagi menjamin hutang tersebut dibayar kepada pihak yang memberi hutang, di samping untuk memastikan ketelusan dalam sebarang pengurusan wang zakat.

Kaedah yang terbaik adalah pihak institusi zakat membayar hutang yang layak dibantu **secara terus kepada pemutang**. Ini bagi memastikan bantuan zakat tersebut tidak disalahgunakan oleh penghutang.

3.6.3. Skim Bantuan

Terdapat beberapa skim bantuan zakat yang boleh dilaksanakan di bawah *asnaf al-gharimin* seperti berikut:

i. Skim Bantuan Menyelesaikan Hutang

Untuk membantu mereka yang mempunyai tanggungan hutang bagi memenuhi keperluan asas:

- a) perlindungan (tempat tinggal);
- b) makanan;
- c) pakaian;
- d) kesihatan;
- e) pendidikan;
- f) pengangkutan;
- g) perniagaan; dan
- h) jaminan yang diharuskan Syarak.

Dengan syarat:

- a) Hutang telah mencapai tempoh yang wajib dijelaskan.
- b) Pemohon telah berusaha bersungguh-sungguh untuk membayar hutang tersebut.

Kaedah pelaksanaan:

- a) Keutamaan bantuan kepada golongan fakir, miskin dan mualaf serta orang yang telah meninggal dunia dari tiga golongan berkenaan.
- b) Tidak melibatkan perkara-perkara yang tidak asas (sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini).
- c) Bayaran diserahkan terus kepada pemutang.

ii. Skim Bantuan Musibah

Untuk meringankan beban mereka yang ditimpa musibah seperti ribut, angin puting beliung, kebakaran, banjir, tanah runtuh dan lain-lain yang menyebabkan kemasuhan / kerosakan harta benda.

Dengan syarat:

- a) Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat umum.
- b) Pemohon mendapat pengesahan daripada pihak berkuasa.

Kaedah pelaksanaan:

- a) Bantuan diberikan kepada ketua keluarga atau ketua isi rumah.
- b) Bantuan diberikan tanpa mengira taraf kedudukan fakir atau miskin.

- c) Permohonan boleh diterima melalui ketua amil, imam, ketua masyarakat, jawatankuasa bertindak setempat atau dari pemohon yang terlibat sendiri dengan sesuatu musibah.
- d) Bayaran atau bantuan adalah secara tunai, cek atau barang.

iii. Skim Bantuan Hutang Organisasi / Persatuan

Untuk meringankan beban atau tanggungan organisasi atau persatuan yang mempunyai beban hutang kerana menjalankan aktiviti untuk kepentingan masyarakat Islam.

Dengan syarat:

- a) Aktiviti yang dijalankan adalah berdasarkan keperluan masyarakat Islam.
- b) Organisasi berdaftar atau diiktiraf.
- c) Hutang telah sampai tempoh wajib untuk dijelaskan.
- d) Tidak mampu menjelaskan hutang.


Kaedah pelaksanaan:

- a) Organisasi perlu mengemukakan bukti hutang, surat akuan atau perjanjian dengan pihak pemutang.
- b) Organisasi perlu membuat pengakuan sudah berusaha tetapi tidak berupaya menyelesaikan hutang.
- c) Bayaran atau bantuan adalah melalui cek terus kepada pemutang atau dikreditkan ke dalam akaun bank.

3.7. KESIMPULAN

Al-Gharimin merupakan salah satu daripada asnaf yang layak menerima bantuan zakat. Konsep *al-gharimin* dalam agihan zakat ini merujuk kepada individu yang berhutang kerana sesuatu kepentingan yang mendesak, sama ada untuk kepentingan diri, keluarga atau masyarakat, yang diharuskan Syarak. Pengagihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* hendaklah menepati kehendak *maqasid* syariah dan tertakluk kepada fatwa, sumber perundangan, prosedur dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak MAIN atau AMZ di negeri masing-masing.

BAB 4



PENUTUP

Firman Allah SWT:

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْمِرْغَبِ وَالثَّقَوَىٰ وَلَا نَعَاوَنُوا عَلَىٰ إِلَيْهِ ثِمَّ وَالْعُدُونَ وَأَتَقْوَاٰ

اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya:

“...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”

(Surah al-Ma'idah, ayat 2)

4.1. PENGENALAN

Penerbitan Manual Pengurusan Asnaf al-Gharimin (MPAG) diharap akan dapat memberikan kefahaman kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat (AMZ) serta masyarakat umum tentang konsep *al-gharimin* dalam Islam serta kaedah pengagihan bantuan zakat kepada asnaf *al-gharimin* di Malaysia. Justeru, setiap individu dan organisasi yang terbabit adalah berhak bertindak berdasarkan panduan yang telah diperjelaskan dalam MPAG ini terutamanya tentang aspek perundangan dan prosedur tadbir urus terbaik agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* bagi umat Islam.

4.2. IMPAK

Impak atau hasil yang diharapkan daripada penerbitan MPAG ini adalah seperti berikut:

- i. penyeragaman tafsiran asnaf zakat kategori *al-gharimin* di semua negeri;
- ii. penyeragaman kaedah pengurusan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin* di semua MAIN dan AMZ seluruh negara;
- iii. peningkatan ilmu pengetahuan dan kefahaman masyarakat Islam berkaitan konsep serta kaedah pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf *al-gharimin*; dan
- iv. peningkatan keyakinan masyarakat Islam kepada institusi-institusi zakat di Malaysia serta kaedah pengurusan kutipan dan agihan zakat yang dilaksanakan di seluruh negara.

4.3. KESIMPULAN

MPAG merupakan salah satu daripada Siri Manual Pengurusan JAWHAR yang berperanan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada pihak MAIN dan AMZ serta masyarakat umum dalam usaha JAWHAR mencapai Teras Strategik 2, Pelan Strategik JAWHAR 2012-2016 iaitu: "Pengukuhkan Institusi Zakat dalam Meningkatkan Taraf Sosioekonomi Ummah". Justeru, penerbitan MPAG ini adalah selaras dengan objektif utama Teras Strategik tersebut iaitu mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN serta AMZ. Maklum balas positif dan sokongan padu semua MAIN dan AMZ serta masyarakat umum adalah diharapkan agar usaha penambahbaikan dan pemantapan MPAG ini dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa.

RUJUKAN:

A. Nas al-Quran

1. Al-Quran al-Karim.
2. Sheikh Abdullah Basmeih, 1980. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Darulfikir.

B. Nas Hadis

1. Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sajastani, 1389H. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
2. Ahmad bin Hanbal. *Musnad*. Jld. 4. al-Maktabah al-Islami.
3. Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, 1400H. *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
4. Ibnu Majah, Abu 'Abdillah Muhammad bin Yazid al-Qizwini, 1998. *Sunan Ibn Majah*. Kaherah: Dar al-Hadith.
5. Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi, 1374H. *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
6. Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. *al-Jami' al-Saghir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
7. al-Tirmizi, Muhammad bin 'Isa al-Salami. *al-Sunan*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

C. Undang-Undang / Peraturan / Kaedah

1. Perlombagaan Persekutuan.
2. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.
3. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri.
4. Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001.
5. Enakmen Zakat Kedah 1374 (1955).

6. Enakmen Zakat dan Fitrah Sabah 1993.
7. Undang-undang Zakat dan Fitrah (Sarawak) 1966.
8. Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012.
9. Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) 1975.
10. Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) 1962.
11. Peraturan-peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah Negeri Pulau Pinang 1979.
12. Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah, Urusan Wakaf dan Baitulmal Negeri Melaka 1982.
13. Kaedah-kaedah Fitrah Negeri Sembilan 1962.
14. Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) 1970.

D. Buku / Kitab

1. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, 2008. *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
2. Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Muhammad al-Zuhaili, 1998. *Sarf al-Zakat li al-Gharimin*. Damsyiq: Dar al-Maktabi.
4. Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & 'Ali al-Syarbaji, 2000. *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafi'i*,. Jld. 1. Damsyiq: Dar al-Qalam.
5. Al-Nawawi, Abu Zakariya Muhyi al-Din bin Syaraf, 2000. *Raudot al-Tolibin*. Sunt. 'Adil Ahmad 'Abd al-Maujud dan 'Ali Muhammad Mu'awwad. Jld. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
6. Wahbah al-Zuhaili, 1999. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jld. 3 & 5. Damsyiq: Dar al-Fikr.
7. Wahbah al-Zuhaili, 2004. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Jld. 2. Damsyiq: Dar al-Fikr.
8. Yusuf al-Qaradawi, 2001. *Fiqh al-Zakah*. Jld. 2. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

E. Kertas Kerja

1. Arieff Salleh bin Rosman, 2014. "Asnaf al-Gharimin dan Tafsirannya Menurut Fuqaha Silam dan Masa Kini". Kertas Kerja dalam Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan al-Gharimin. Melaka, 7-9 Mei 2014.
2. Fatin Hanum binti Abdul Hadi, 2014. "Pentadbiran Kes Kebankrapan". Kertas Kerja dalam Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan al-Gharimin. Melaka, 7-9 Mei 2014.
3. Hasan bin Bahrom, 2014. "Hutang, Isu dan Penyelesaian Menurut Islam". Kertas Kerja dalam Bengkel Penyediaan Manual Pengurusan al-Gharimin. Melaka, 7-9 Mei 2014.
4. Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman, 2014. "Penguatkuasaan Undang-undang Zakat di Malaysia: Suatu Penilaian". Kertas Kerja dalam Ijtima' Penggerak Zakat Kebangsaan 2014. Kuala Lumpur, 17 November 2014.

F. Artikel Akhbar / Siaran Media

1. "121,673 guna khidmat AKPK tahun lalu". Utusan Online, 5 Januari 2017.
2. "AKPK selesai masalah kewangan RM476.6j". Utusan Malaysia, 7 Disember 2016.
3. "Pejabat PTPTN Cawangan KLIA2: Pemudahcara Atasi Sekatan Peminjam ke Luar Negara". Siaran Media Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), 25 Mac 2017.
4. "Peminjam gagal bayar PTPTN disenarai dalam CCRIS". Sinar Online, 5 November 2014.
5. "PTPTN sedia bincang bayar balik pinjaman". Sinar Harian, 25 Mac 2017.
6. "RUU Kebankrapan 2016 dibentang kali kedua". Sinar Harian, 30 Mac 2017.
7. "Tiga wanita antara 13 ditahan terlibat ceti haram". Sinar Online, 23 Mei 2016.

